



KERATAN AKHBAR UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

6 JULAI 2023 (KHAMIS)



KERATAN AKHBAR (KPDN)

6 JULAI 2023 (KHAMIS)



SALAHUDDIN (tengah) ketika menghadiri forum Menangani Kos Sara Hidup, Meningkatkan Kemakmurkan Rakyat di ibu kota.

Kuala Lumpur

Dalam usaha menontohkan miskin tegar tahun ini, kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sedang merangka Dasar Ekonomi Rahmah untuk meningkatkan taraf hidup golongan itu.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, dasar dijangka disiapkan September ini dan untuk dibincangkan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim serta Kabinet.

Katanya dasar itu akan menjadi polisi yang membina di peringkat KPDN untuk terus menyantuni golongan sasar itu terutama dari segi aspek ekonomi mereka.

POLISI KPDN NOKTAHKAN MISKIN TEGAR

Dasar baharu siap September

Beliau berkata demikian selepas menjadi ahli panel dalam forum bertajuk Menangani Kos Sara Hidup, Meningkatkan Kemakmuran Rakyat di Menara Dato' Onn. Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur di sini kelmarin.

"Pertamanya, KPDN bukan lagi menyantuni mereka menerusi inisiatif (bersifat) sekali beri atau bermusim seperti Inisiatif Payung Rah-

mah...keduanya bagaimana melihat subsidi yang sebahagian besarnya diperuntukkan kerajaan mestilah sampai kepada golongan sasaran."

Ketiganya, KPDN akan fokus kepada membangunkan ekonomi rakyat itu sendiri mungkin menerusi program sedifada seperti perniagaan dalam talian dan francis di peringkat kementerian dan

Inisiatif Daya," katanya.

Beliau berkata, Dasar Ekonomi Rahmah dirangka supaya dapat membantu mencapai matlamat Dasar Ekonomi Negara, sekali gus dapat meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar.

Sebelum ini, Anwar pernah menggaskan jumlah kemiskinan tegar dalam negera perlu dinoktahkan pada tahun ini.

Rugi jutaan ringgit tanaman kerap ditenggelami air masin

Batu Pahat: Kira-kira 80 petani di sekitar Kampung Sungai Suloh dan Kampung Bukit Kelicap, dekat sini, mendakwa mereka berhadapan dengan kerugian sehingga jutaan ringgit selepas hampir sepanjang tahun tanaman mereka ditenggelami air masin.

Pengusaha Mazlan Ithnin, 58, berkata kejadian berkenaan berlaku apabila benteng penahan air laut pecah semenjak tahun 2018 sekali gus menjesakan tanaman seperti kelapa matala, kelapa tacuman, kelapa pandan serta kelapa sawit.

Di samping tanaman dimulakan sejak 1976, mampu menjana pendapatan RM150,000 dalam setahun untuk setiap petani namun apabila benteng pecah, hampir separuh pendapatan tersebut hilang.

"Benteng hampir empat kilometer ini dibina dengan batu dan tanah tetapi ia runtuh menyebabkan air laut memasuki kebun.

"Air bertakung ini akan lambat keluar kerana hanya ada satu pintu air serta perlu tunggu air daripada sungai berhampiran surut. Akibatnya, ada sebahagian tanaman rosak," katanya.

Sementara itu, penduduk Kampung Bukit Kelicap, Nordin Daiman, 68, berkata, tanaman penduduk seluas 121.406 hektar mengalami nasib sama apabila pisang, betik dan jambu terjejas akibat tangungan air masin.



Kami semua berharap ada tindakan pihak berwajib dengan membantu kami membina semula benteng yang sudah runtuh."

Nordin

"Kami semua berharap ada tindakan pihak berwajib dengan membantu kami membina semula benteng yang telah runtuh dan memastikan benteng baharu dapat bertahan lama," katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Senggarang Mohd Yusla Ismail ketika dihubungi berkata, pihaknya mengambil maklum tentang perkara itu.

Beliau berkata, masalah sudah diajukan kepada pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri Johor, baru-baru ini.

Dalam pada itu, Penolong Juruteru Jabatan Pengairan dan Saliran (IPS) Batu Pahat Anas Mohamed berkata, benteng tersebut sebenarnya dibina di atas tanah milik per-

sekian. Namun pihaknya akan cuba membina benteng baharu menggunakan kayu bakau dan geotekstil, yang dijangka dilaksanakan tidak lama lagi.

KPDN rangka dasar noktahkan miskin tegar

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kosara Hidup (KPDN) sedang merangka Dasar Ekonomi Rahmah dalam usaha meningkatkan taraf hidup B40 dan miskin tegar.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub, berkata Dasar Ekonomi Rahmah adalah selaras dengan komitmen dan usaha Kerajaan Perpaduan menoktahkan miskin tegar tahun ini.

Beliau berkata, dasar berkenaan dijangka dapat disiapkan September ini dan akan dibawa untuk dibincangkan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim serta Kabinet.

Salahuddin berkata, ia akan menjadi dasar membina pada peringkat KPDN untuk terus sambut golongan sasar, terutama dari segi aspek ekonomi mereka.

Beliau berkata demikian keti-

ka ditemui *BERNAMA* selepas menjadi ahli panel dalam forum bertajuk 'Menangani Kosara Hidup, Meningkatkan Kemakmuran Rakyat' di Menara Dato' Onn, Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL), di sini, malam kelmarin.

Paling utama, tegasnya, KPDN bukan lagi menyantuni mereka menerusi inisiatif bersifat sekali beri atau bermusim seperti Inisiatif Payung Rahmah.

"Keduanya, bagaimana kita melihat subsidi yang sebahagian besarnya diperuntukkan kerajaan mesti tepat sampai kepada golongan sasar.

"Ketiganya, KPDN akan fokus kepada membangunkan ekonomi rakyat, mungkin menerusi program sedia ada seperti perniagaan dalam talian dan francais pada peringkat kementerian dan Inisiatif Daya," katanya.

Beliau berkata, Dasar Ekonomi Rahmah itu juga dirangka supaya dapat membantu mencapai matlamat Dasar Ekonomi Negara, sekaligus meningkatkan Kejuaran Dalam Negara Kasar.

Sebelum ini, Anwar pernah menegaskan bahawa jumlah kemiskinan tegar dalam negara perlu dinuktahkan pada tahun ini.

Bakul Rahmah bukti kerajaan prihatin

NGO sambut inisiatif kerajaan bantu golongan memerlukan.

Oleh ROSKHOIRAH YAHYA & IZWAN ROZLIN

Program Bakul Rahmah yang menyediakan barang, asas atau 'baucar bernilai RM100 untuk keluarga miskin tegar merupakan bantuan di bawah inisiatif Payung Rahmah yang diperkenalkan kerajaan dalam Belanjawan 2023.

Ia manifestasi keprihatinan dan konsep kasih sayang kerajaan kepada rakyat khususnya golongan berpendapatan rendah yang dilaksanakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) bersama beberapa rakan strategik.

Bantuan Bakul Rahmah diberikan setiap bulan untuk tempoh enam bulan kepada setiap ketua isi rumah miskin tegar.

Pengerusi Yayasan Global Mesra, Mohd Nasir Mohd Rashid berkata, Rahmah memberi makna kasih sayang dan sentiasa menitikberatkan elemen sedekah dalam setiap transaksi yang dibuat.

Menurutnya, mesej ini penting dalam memastikan semua pihak terutama peniaga borong dan runcit yang ingin turut serta dalam pembekalan Bakul Rahmah.

Jelasnya, edaran Bakul Rahmah mendapat banyak maklum balas yang positif daripada semua penerima.

"Penerima berterima kasih dan bersyukur atas sumbangan yang diterima. Kami juga mendapat banyak permintaan daripada Kawasan Parlimen yang masih belum mendapat agihan."

"Kami benar-benar ingin menyahut

“Setiap barang keperluan tadi akan dibungkus mengikut nilai RM50 hingga RM130 bergantung kepada penerima.”

Kakitangan Yayasan Al-Manje sedang menyusun barang inisiatif Bakul Rahmah.



seruan kerajaan dalam mengedarkan bantuan kepada golongan sasar dengan kualiti barang yang baik,” katanya kepada *Sinar Harian*.

Terdapat 12 barang keperluan asas di dalam setiap kotak Bakul Rahmah.

Pihak Yayasan Global Mesra telah mengedarkan lebih daripada 31,000 kotak Bakul Rahmah ke beberapa kawasan Parlimen.

Menurut Mohd Nasir, pihaknya mendapat banyak permintaan daripada peniaga borong dan runcit yang ingin turut serta dalam pembekalan Bakul Rahmah.

Bagaimanapun, setiap pembekalan akan disaring dari pelbagai aspek termasuk kualiti barang, kemampuan pengeluaran dan kesediaan mereka untuk membantu usaha murni Kerajaan Perpaduan Malaysia Madani ini.

"Setakat ini kami telah menjalin usaha sama dengan beberapa syarikat Bumiputera seperti HMJ Berkat Holdings (pembekal kotak), Edaran Komachai (pemborong beras), Al-Amin Barokah (pembekal barang keperluan), Mydin (pembekal barang keperluan) dan Mesra Indah Jaya (syarikat penghantaran/ logistik)," katanya.

Agih lebih 73,000 Bakul Rahmah
Sementara itu, sebanyak 73,842 Bakul Rahmah telah diagihkan oleh Yayasan Al-Manje sejak program berkenaan dilancarkan.

Pengasasnya, Zuwairi Japri berkata, daripada jumlah itu, sebanyak 27 syarikat terlibat secara langsung dalam menjayakan program berkenaan setakat 2 Jun lalu.

Kotak-kotak Bantuan Bakul Rahmah sedia untuk diedarkan.

Menurutnya, tugas yayasan adalah mengumpul barang-barang yang diperoleh daripada syarikat khususnya langkah pengeluar makanan dan minuman.

“Setiap barang keperluan itu akan dibungkus mengikut nilai RM50 hingga RM130 bergantung kepada penerima.”

“Sebagai contoh, untuk program food bank siswa, persatuan pelajar atau mahasiswa universiti berkenaan akan buat permohanan dan kami sediakan barang yang diperlukan.

“Lazimnya untuk siswa, kita sediakan biskut dan paket minuman sesuai dengan keperluan harian mereka,” katanya.

Beliau berkata, antara syarikat yang terlibat ialah Mamee Double Decker (M) (makanan ringan/Mi Segera); Asri-Vegetables Oil Products (Minyak, Tepung Gandum) dan Fama (sayur-sayuran dan buah-buahan).

Bagaimanapun, tumpuan diberikan kepada agihan barang keperluan isi rumah seperti gula, tepung, minyak masak dan beras.

Keperluan untuk warga emas, dewasa dan kanak-kanak yang melibatkan sumbangan lampiran pakai buang dan tisu tandas turut disediakan oleh Vinda Malaysia Sdn Bhd.

Mengulas lanjut mengenai program Bakul Rahmah, beliau berkata bantuan tersebut wajar diteruskan bagi mengurangkan beban mereka yang memerlukan khususnya golongan B40 dan mahasiswa yang tinggal di bandar.

“Ini merupakan salah satu daripada inisiatif kerajaan untuk membantu rakyat dan pastinya yayasan seperti kami berbesar hati untuk membantu,” katanya.

Layari www.belanjawatan.mof.gov.my/ manfaat untuk mengetahui lebih lanjut cara untuk mendapatkan manfaat daripada inisiatif ini dan meneroka lebih banyak peluang yang ditawarkan kerajaan kepada rakyat.

#Belanjawan2023
#BelanjawanMADANI



REAksi RAKYAT

“

Program food bank (Bakul Rahmah) untuk siswa banyak membantu meringankan perbelanjaan bulanan kami yang menuntut dan tinggal di bandar seperti Kuala Lumpur.”



- Ahmad Bukhori Mohd Azmi, 27 (Mahasiswa)

“

Program Bakul Rahmah perlu diteruskan kerana ia dapat membantu mengurangkan beban golongan rakyat seperti kami.”



- Rosnadi Mustafa, 34 (Pemandu lori)

“

Posut khidmat Dewan Undangan Negeri (DUN) perlu menambah senarai individu yang layak menerima program bantuan kerajaan negeri.”



- Fazirah Razali, 29 (Pekerja swasta)

“

Kena banyakkan lagi pihak yang menawarkan insiatif Bakul Rahmah ini termasuk posor raya dan pusat membeli-belah.”



- Syahwalludeen Mustapha, 31 (pekerja GLC)

“

Inisiatif Bakul Rahmah perlu dijadikan program berterusan bagi membantu rakyat yang terkesan dengan kos sura hidup yang tinggi ketika ini.”



- Nuri Farizan, 20 (pelajar politeknik)



Pengarah syarikat didakwa gagal selenggara buku stok diesel

SEREMBAN: Seorang pengarah sebuah syarikat didakwa di Mahkamah Sesyen Seremban atas dua pertuduhan gagal menyelenggara buku stok bagi barang berjadual, iaitu minyak diesel.

Tan Kok Keong, 69, bagaimanapun membuat pengakuan tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Mazni Nawi, di sini semalam.

Mengikut pertuduhan, tertuduh sebagai pemborong telah

gagal untuk menyelenggara buku stok bagi setiap pembelian barang berjadual iaitu minyak diesel yang tidak mengandungi harga jualan, harga belian dan alamat pembeli.

Ia sekali gus telah melanggar Peraturan 13(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974.

Tertuduh sebagai pengarah syarikat dituduh melakukan kesalahan itu di Kuala Sawah, Rantau, kira-kira pukul 10.32 pagi pada 27 Mac lalu.

Oleh itu, dia telah melakukan kesalahan di bawah Peraturan 21(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 dibaca bersama Seksyen 22(2) Akta Kawalan Bekalan 1961, dan boleh dihukum di bawah Seksyen 22(1) Akta Kawalan Bekalan 1961.

Ia memperuntukkan denda tidak lebih RM2 juta dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya boleh didenda tidak melebihi RM5 juta, jika sabit kesalahan.

Bagi pertuduhan kedua, tertuduh sebagai pengarah syarikat

telah melakukan kesalahan di bawah Peraturan 21(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 dibaca bersama Seksyen 22(2) Akta Kawalan Bekalan 1961, dan boleh dihukum di bawah Seksyen 22(1) Akta Kawalan Bekalan 1961.

Jika sabit kesalahan boleh di-denda sehingga RM1 juta atau dipenjarakan tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi RM3 juta atau dipen-

jarakan tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya.

Pendakwaan kes dijalankan oleh Pegawai Pendakwa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN), Janawatul Fieza Hamisan dan Nazrudin Zainudin manakala tertuduh diwakili peguam, Eric Yeow Kok Heng.

Hakim kemuadian menetapkan 9 Ogos ini sebagai tarikh sebutan semula kes bagi pengurusan serta serahan dokumen.

Bengkel kereta disyaki simpan diesel tanpa lesen sah

SEREMBAN - Aktiviti seleweng minyak diesel berselindung di sebalik bengkel membaiki kenderaan di Jalan Kuala Sawah, Rantau di sini terbongkar selepas diserbu dalam Ops Tiris pada Selasa.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Negeri Sembilan, Muhammad Zahir Mazlan berkata, serbuan dijalankan lima anggota KPDN kira-kira jam 10.30 malam setelah mendapati pergerakan mencurigakan sebuah lori tangki yang mengisi minyak di beberapa stesen minyak sebelum menuju ke lokasi kejadian.

"Pergerakan lori tangki yang berulang-alik mengisi minyak itu telah membawa kepada penemuan sebuah lagi lori tangki lengkap dengan paip penyambung be-

rada di dalam premis tersebut.

"Seorang lelaki tempatan berusia 36 tahun ditahan penguat kuasa KPDN kerana disyaki telah berurusan dengan barang kawalan berjadual tanpa lesen yang sah dan melanggar Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Peraturan 3(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Beliau berkata, sejumlah 4,000 liter barang kawalan berjadual yang disyaki diesel bersubsidi bernilai RM8,600 dirampas dalam serbuan itu.

"Turut disita dua lori tangki dan dua unit paip penyambung yang menjadikan anggaran keseluruhan nilai rampasan RM53,800," katanya.

FOTO: KPDN NEGERI SEMBILAN



Lori tangki dalam keadaan mencurigakan di sebuah bengkel disyaki menyimpan diesel bersubsidi di Rantau, Seremban pada malam Selasa.



MEDIA ONLINE (KPDN)

6 JULAI 2023 (KHAMIS)

BERITA ONLINE BERTARIKH 6 JULAI 2023			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
6-Jul	KPDN drafting Rahmah Economic Policy to improve living standards of B40, hardcore poor	https://www.thesundaily.my/local/kpdn-drafting-rahmah-economic-policy-to-improve-living-standards-of-b40-hardcore-poor-PJ11185587	THESUNDAILY
6-Jul	Salahuddin: Ministry drafting Rahmah Economic Policy to improve living standards of B40, hardcore poor	https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/07/927403/salahuddin-ministry-drafting-rahmah-economic-policy-improve-living	NST
6-Jul	Ministry drafting economic policy to help B40, hardcore poor, says Salahudin	https://www.themalaysianinsight.com/s/450839	THEMALAYSIANINSIGHT
6-Jul	Kementerian rangka Dasar Ekonomi Rahmah, tingkatkan taraf hidup B40	https://suaramerdeka.com.my/kementerian-rangka-dasar-ekonomi-rahmah-tingkatkan-taraf-hidup-b40/	SUARAMERDEKA
6-Jul	Pengarah syarikat didakwa gagal selenggara buku stok diesel	https://www.utusan.com.my/berita/2023/07/pengarah-syarikat-didakwa-gagal-selenggara-buku-stok-diesel/	UM
6-Jul	Restoran sedia Menu Rahmah RM5 sepanjang hari	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/266461	SH
6-Jul	Bengkel simpan diesel bersubsidi diserbu	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/266676	SH